



AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	3/10/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		



LORI yang membawa muatan balak dicuri disita di Jalan FeldaPalong 5, Negeri Sembilan.

# Pencuri takut disamun

*Alasan pemandu lori pindah balak tidak ikut arahan berhenti*

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@hmetro.com.my

## Rompin

**T**akut disamun penjenayah alasan diberikan seorang pemandu lori membawa muatan tujuh balak spesies keruing yang dicuri bernilai RM12,000 apabila meneruskan perjalanan walaupun arahan berhenti diberikan di Jalan Mudzam Shah-Bahau, Negeri Sembilan.

Dalam kejadian jam 7 pagi itu bahagian Penguat kuasa Pejabat Hutan Daerah (PHD) mengejar lori itu sejauh 40 kilometer sebelum berhenti ditepi jalan berdekatan Felda Palong 5, Negeri Sembilan, lima jam kemudian.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, pihaknya mendapatkan bantuan anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Palong dan Unit Penguat Kuasa Pahang Timur Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bagi mengejar lori terbabit.

Katanya, hasil siasatan dilakukan mendapati pemandu dan pembantunya berusia 43 dan 30 tahun cuba memindahkan balak dicuri di Hutan Simpan Ibam ke negeri jiran.

Beliau berkata, maklumat diterima mendapati aktiviti menebang kayu itu dilakukan pada waktu malam.

Menurutnya, hasil penahanan dan soal siasat terhadap dua individu itu menemui tujuh

lagi balak spesies sama bernilai RM8,900 dalam kawasan Hutan Simpan Ibam dipercayai akan dipindahkan secara berperingkat.

“Dua individu itu didakwa mengikut Seksyen 15 Akta Perhutanan Negara (APN) 1984, jika sabit kesalahan boleh didenda RM500,000 atau penjara 20 tahun atau kedua-duanya.

“Semua bukti dan kertas pertuduhan kini disediakan pegawai penyiasat,” katanya.

Beliau berkata, kegiatan menceroboh Hutan Simpan Ibam bagi mendapatkan balak bernilai tinggi dipercayai dilakukan sindiket berpengalaman dianggotai empat hingga enam individu.

Mohd Hizamri berkata, pihaknya memandang serius kegiatan mencuri balak dan hasil hutan lain. Pelbagai usaha dilakukan bagi melumpuhkan aktiviti menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri.

Katanya, sokongan dan kerjasama masyarakat setempat termasuk Orang Asli diperlukan kerana maklumat diberikan menyekat kegiatan itu daripada berterusan.

“Pemantauan secara berterusan dilakukan di hutan simpan, aktiviti rondaan dan sekatan jalan raya dengan kerjasama agensi penguat kuasa turut dibuat apabila diperlukan.

“Saya yakin kerjasama semua pihak serta kesungguhan dilakukan bahagian penguat kuasa daerah dan negeri, kegiatan mencuri balak dilumpuhkan,” katanya.

**Pemandu lori bawa muatan 7 balak spesies keruing dicuri bernilai RM12,000**